

**MASAKAN MELAYU-  
KHAZANAH DAN WARISAN BANGSA  
(NEGERI SEMBILAN)**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**NOR'AINI AHMAD  
ARTINAH ZAINAL  
AHMAD NIZAN ZALI  
RAHMAT HASHIM**

**DISEMBER 1994**

Tarikh : 24 Mac 2000

Kod Projek : 30022

Ketua  
Biro Penyelidikan dan Perundingan (BRC)  
Universiti Teknologi Mara,  
40450 Shah Alam.

Puan,

LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN “MASAKAN MELAYU- KHAZANAH  
DAN WARISAN BANGSA”

Merujuk kepada perkara di atas, bersama-sama ini disertakan tiga naskah Laporan Akhir Penyelidikan bertajuk “Masakan Melayu- Khazanah Dan Warisan Bangsa” oleh kumpulan Penyelidik Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, Shah Alam untuk makluman pihak puan.

Sekian, terima kasih.


Yang benar,



NOR AINI AHMAD  
Ketua  
Projek Penyelidikan

KUMPULAN PENYELIDIK

NOR ' AINI AHMAD  
KETUA PROJEK




.....  
Tandatangan

ARTINAH ZAINAL  
Ahli




.....  
Tandatangan

AHMAD NIZAN ZALI  
Ahli



.....  
Tandatangan

RAHMAT HASHIM  
Ahli



.....  
Tandatangan

## PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah S.W.T kerana dengan izin dan restuNYA penyelidikan ini telah dapat disiapkan akhirnya. Adalah diharapkan dengan terhasilnya penyelidikan ini dapat memberi maklumat kepada mereka yang ingin meneruskan kajian ini dengan lebih mendalam.

Pertama sekali penghargaan ini ditujukan kepada pihak Pusat Penyelidikan dan Perundingan, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam yang telah memberi peluang dan memastikan kami memperolehi peruntukan yang sewajarnya.

Kesempatan ini juga diambil untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Bhg. Dato' Zakiah Hanom, ahli-ahli Kemas Cawangan Negeri Sembilan serta orang perseorangan yang telah memberi kerjasama dan membantu di dalam kajian di tujuh daerah Negeri Sembilan ini.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada pihak Fakulti Pengurusan Hotel & dan Pelancongan khususnya kepada Prof. Dr. Nor Khomar Ishak kerana dengan dorongan, galakan dan sokongan dari beliau, usaha kami untuk melangkah ke arah penyelidikan bermula.

Akhir sekali kajian yang banyak memerlukan 'field work' ini tidak akan dapat dilaksanakan seandainya tidak terdapat kerjasama di antara kami. Semangat kerjasama inilah yang menjadi tunggak kejayaan bagi setiap aktiviti yang dijalankan di Fakulti, walaupun di dalam kesibukan tugas hakiki.

## ABSTRAK

Makanan adalah satu elemen budaya yang penting kepada kesihatan dan kekuatan untuk melakukan sesuatu pekerjaan. Makanan diletakkan di darjat yang tertinggi di dalam kehidupan kita seharian sehinggakan setiap yang dilakukan yang bertaraf istimewa mesti dilengkapi dengan makanan sama ada hidangan utama ataupun kuih muih. Andainya sesuatu acara itu tidak di akhiri dengan jamuan, maka acara itu akan dipandang tidak lengkap dan sempurna dan hos atau penganjur itu akan menerima kritikan dan cemuhan.

Cara menghidang makanan diberi perhatian istimewa kerana ia dikaitkan dengan sesuatu yang disanjung. Makanan harus cantik dipandang mata, enak rasanya dan mempunyai aroma yang menaikkan selera sambil disajikan di dalam peralatan yang istimewa.

Projek Kajian ini telah dijalankan di masyarakat kampung Melayu yang terdapat di daerah-daerah Port Dickson(Pantai Laut), Seremban, Kuala Pilah, Rembau, Tampin, Jelevu dan Jempol. Apa yang didapati ialah makan dikait rapat dengan adat resan. Makanan untuk pengantin baru mestilah luar dari yang kebiasaan. Makanan untuk kenduri kesyukuran mesti lengkap dan menyelerakan. Makanan bagi mereka yang uzur harus diberi perhatian yang khusus dan dikawal dan sebagainya. Pendek kata segala berkaitan dengan budaya dan cara hidup masyarakat Melayu berkisar di sekeliling makanan.